

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SBU 421 - Seminar Kependudukan dan Pembangunan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan

1. Apakah yang anda faham dengan istilah pembangunan? Mengapakah indeks kualitatif tidak sesuai digunakan untuk mengukur pencapaian pembangunan sesebuah negara?  
[100 Markah]
2. Bincangkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Teori Transisi Demografi. Pada pendapat anda, adakah teori ini sesuai digunakan bagi menerangkan tren kelahiran dan kematian di negara ini?  
[100 Markah]
3. Huraikan dengan terperinci tren kematian bayi negara ini antara tahun-tahun 1911-1957. Apakah faktor-faktor yang menyumbangkan kepada kadar kematian bayi yang amat tinggi dalam jangka masa tersebut.  
[100 Markah]
4. Bagaimanakah Dasar Ekonomi Baru yang merupakan teras dasar pembangunan negara dapat memberi kesan kepada pelakuan kependudukan (kematian, kelahiran dan migrasi) di negara ini?  
[100 Markah]

...2/-

5. Huraikan dengan terperinci Model Penawaran Buruh Dua Sektor Lewis (1954). Sejauhmana model ini dapat disesuaikan dengan keadaan penawaran buruh di negara ini?

[100 Markah]

6. Bincangkan pertentangan pendapat di antara golongan "alarmists" dan golongan "sceptics" berhubung dengan konsep "carrying capacity" (keupayaan menampung) dalam menentukan saiz kependudukan sesebuah negara.

[100 Markah]

7. Apakah kelemahan-kelemahan dalam teori transisi demografi dan teori perkembangan ekonomi sehingga teori-teori tersebut tidak sesuai digunakan bagi menghuraikan keadaan urbanisasi di negara-negara dunia ketiga?

[100 Markah]

- oo oOo oo -